



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

RESOLUSI INDUSTRI : PERKUKUH SINERGI JPPKK DAN INDUSTRI

PUTRAJAYA, 19 OGOS 2025 - Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah mengadakan Mesyuarat Majlis Penasihat Industri Politeknik (MPIP) dan Sesi Dialog bersama YB Menteri Pendidikan Tinggi bertempat di Hotel Le Meridien, di sini, hari ini.

Majlis yang dihadiri oleh YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi ini merupakan wadah strategik JPPKK bersama pihak industri dalam memastikan program akademik, latihan kemahiran dan pembangunan bakat graduan politeknik dan kolej komuniti (POLYCC) sentiasa relevan dengan keperluan pasaran kerja semasa dan seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan pembangunan modal insan berdaya saing, inklusif dan berteraskan nilai.

Majlis yang dikelolakan oleh Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK) ini menghimpunkan sembilan (9) kluster industri utama termasuk pembuatan; logistik; pertanian; digitalisasi; kejuruteraan petrokimia; elektrik dan elektronik; pelancongan dan hospitaliti; alam sekitar, sosial dan tadbir urus korporat (ESG); serta badan akreditasi.

Sesuai dengan tema MPIP pada tahun ini iaitu 'POLYCC-Industri: Menjana Tenaga Kerja Pintar untuk Ekonomi MADANI', penganjuran program ini adalah sejajar dengan fokus utama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Tahun 2025 iaitu Penyediaan Bakat Terbaik Negara.

Pelbagai perkara telah dibawa ketika sesi dialog ini berlangsung, antaranya adalah isu dan cabaran kebolehpasaran graduan dan inisiatif dalam memperkukuh kerjasama antara JPPKK dan MPIP menerusi Resolusi Industri : MPIP 2025. Disamping itu, YB Menteri turut menekankan agar POLYCC perlu bergerak ke arah lebih praktikal dengan

mengambil kira amalan terbaik antarabangsa yang menghubungkan secara terus institusi dengan keperluan sebenar industri dan komuniti.

Pada majlis sama, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Sufri Mohamad Zain, mantan Pengerusi MPIP turut menerima pengiktirafan sebagai Ikon *Work-Based Learning* (WBL) POLYCC 2024, manakala UEM Edgenta Berhad dan Global Rail Sdn. Bhd. diumumkan penerima anugerah 'Outstanding Industry Mentorship'.

Majlis hari ini turut menyampaikan watakah pelantikan kepada tiga orang ahli Majlis Penasihat Industri Politeknik (MPIP) dan pelancaran dua (2) buah buku berkenaan kisah kejayaan kolaborasi WBL antara politeknik dan rakan industri, termasuk kerjasama bersama PKT Logistics sejak 2012.

Hadir sama ialah YBhg. Datuk Mohamad Azhan Md Amir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPT, YBhg. Dato' Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, YBhg. Dato' Seri (Dr.) Michael Tio, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan & Pengarah Urusan PKT Logistics Group Sdn. Bhd. selaku Pengerusi Majlis Penasihat Industri Politeknik, barisan pengurusan tertinggi JPPKK, Pengarah-pengarah Bahagian JPPKK, Pengarah-pengarah POLYCC serta rakan industri.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
19 OGOS 2025**

LAMPIRAN BERGAMBAR

